

TEKS UCAPAN  
**BRIG JEN DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN**  
***Naib Canselor***  
***Universiti Malaysia Perlis***

SEMPENA  
SYARAHAN UMUM PROFESOR KE 5 : PROFESOR DR. ZUL  
AZHAR ZAHID JAMAL  
DI DEWAN KAPITOL PADA 6 APRIL 2010

Bismillah Hirrahman Nirrahim

Yang Berbahagia Profesor Dr. Zul Azhar Zahid Jamal,  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi),

Yang Berbahagia Prof. Dr. Sazali Yaacob, Timbalan Naib  
Canselor (Akademik dan Antarabangsa),

Pegawai-Pegawai Utama UniMAP,

Wakil daripada Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Pengetua  
MRSM Beseri, wakil daripada Institut Latihan Perindustrian  
Kangar,

Dekan-Dekan dan Ketua Jabatan, Wakil-wakil media, Warga  
kerja Universiti Malaysia Perlis seterusnya pelajar-pelajar  
yang dihormati dan dikasihi sekalian

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh Dan Salam Satu Malaysia.

Good Evening, Wan Shang Hao, Maalai Vanakam, Ma Sa An Khair, Ra Thri Sawat.

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah Subbahanu Wa Taala di atas limpah kurnia serta rezeki yang dicurahkan, kasih dan sayang-Nya mengizinkan kita semua dapat bersama-sama pada hari ini untuk mendengar sesi **Syarahan Umum Profesor kelima UniMAP 2010** yang akan disampaikan oleh **Yang Berusaha Profesor Dr. Zul Azhar Zahid Jamal**.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Dikesempatan ini, saya merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Profesor Dr. Zul Azhar Zahid Jamal kerana memperuntukkan ruang dan waktu lapangnya untuk menyampaikan syarahan umum bertajuk :

**“UNDERSTANDING THE SMALL WORLD : An Insight Into The Application Of Transmission electron Microscopy in Characterizing Epitaxial Layer”**. Apa yang saya harapkan semoga segala input dan ilmu yang bakal disampaikan sebentar lagi akan dijadikan panduan kepada semua Warga

UniMAP untuk meningkatkan ilmu pengetahuan masing-masing.

Hadirin dan hadirat sekalian,

UniMAP kini sedang bergerak maju bagi memantapkan semua bidang dalam usaha untuk merealisasikan pelan strategiknya.

Kecemerlangan akademik, sukan, kebudayaan, penyelidikan dan pembangunan, jaringan hubungan antarabangsa, kelestarian universiti dan tadbir urus korporat adalah faktor penyumbang ke arah kemajuan yang berterusan kepada universiti.

Menyedari akan kepentingan itu, Syarahan Umum Profesor Universiti Malaysia Perlis 2010 ini telah dianjurkan sebagai suatu bentuk pengiktirafan di atas segala sumbangan dan usaha mereka kepada sesebuah universiti.

Diharapkan, pelaksanaan Syarahan Umum Profesor ini, secara tidak langsung dapat mewar-warkan bahawa UniMAP mempunyai ahli-ahli akademik yang bergelar profesor yang mempunyai pelbagai bidang kepakaran tertentu yang mampu untuk diketengahkan kepada masyarakat bagi dimanfaatkan segala kepakaran mereka bagi memajukan lagi negara amnya dan Negeri Perlis khususnya.

Syarahan umum oleh Profesor ini juga bertujuan membudayakan majlis akademik disamping sebagai platform komunikasi yang berkesan untuk berkongsi pelbagai pengalaman luas dalam bidang pendidikan, penyelidikan, kepakaran dan akademik kepada seluruh warga UniMAP dan masyarakat luar.

Saya berharap program sebegini secara tidak langsung dapat menjadi pencetus semangat untuk terus menyumbang kepada pembangunan universiti ini dan sekaligus menjana pembangunan pendidikan tinggi Negara.

Selain itu, melalui program ini juga, kita dapat bersama-sama berkongsi maklumat, idea, pengalaman, kepakaran untuk menuju kepada wawasan pendidikan tinggi Negara bagi membuktikan bahawa UniMAP berupaya menyumbang kepada pembangunan pendidikan Negara melalui bidang kepakaran masing-masing yang ada pada setiap ahli akademiknya.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya pada petang ini, sekali saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada **Yang**

**Berbahagia Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal** di atas kesudian melapangkan masa untuk bersama-sama kita pada hari ini bagi menyampaikan syarahan umum Profesor UniMAP.

Sekian,

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.